

# SEJARAH SPM : K1 - 2019

SOALAN SEBENAR

\*Required

NAMA \*

Your answer

SEKOLAH \*

Your answer

1. Tamadun berikut bertembung dengan tamadun Indus. Apakah kesan pertembungan tersebut terhadap tamadun Indus? \* 1 point

- Tamadun Mesopotamia
- Tamadun Mesir Purba

- Penerokaan bahan mentah
- Peningkatan produk pertanian
- Kemajuan perancangan bandar
- Kemantapan sistem pentadbiran

2. Berikut adalah tuhan yang disembah oleh masyarakat Mesir Purba.


1 point

Apakah rumusan yang boleh dibuat tentang kepercayaan masyarakat Mesir Purba? \*

- Re
- Amun
- Ra-Atum

- Menafikan kehidupan selepas mati
- Mengamalkan sistem kepercayaan monoteisme
- Melarang amalan penyembahan roh nenek moyang
- Mempercayai unsur alam mempengaruhi kehidupan

3. Gambar 1 berkaitan dengan sukan Olimpik di Yunani. Mengapakah Yunani 1 point  
menganjurkan sukan tersebut? \*



- Menghormati tuhan
- Meningkatkan ekonomi
- Mengagungkan pemerintah
- D Memperluas hubungan luar

4. Apakah sumbangan Maharaja Justinian kepada tamadun Rom? \*

1 point

- Membina pusat kajian astronomi
- Mewujudkan sistem birokrasi awam
- Menyeragamkan undang-undang negara
- Mengasaskan sistem pemerintahan republik


5. Apakah peranan golongan Brahmin dalam kerajaan awal di Asia Tenggara? \*

1 point

- Menjaga harta negara
- Mengetuai acara agama
- Menggubal undang-undang
- Menguruskan pentadbiran wilayah

6. Gambar 2 adalah tinggalan perahu abad ke-5 Masihi yang ditemui di Kuala Pontian, Pahang pada tahun 1926. \*

1 point



Gambar 2

Apakah iktibar daripada tinggalan perahu tersebut?

- I Gigih dalam pekerjaan
- II Berani membuat penerokaan
- III Toleransi sesama kaum
- IV Waspada terhadap anasir luar

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

7. Antara yang berikut, yang manakah strategi nabi Muhammad SAW menyebarkan Islam pada peringkat awal di Makkah? \*

1 point

- I Fokus kepada keluarga terdekat
- II Mendekati pemimpin Quraisy
- III Menghantar utusan ke Parsi
- IV Berdakwah secara rahsia

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

8. Maklumat berikut berkaitan dengan amalan kehidupan masyarakat Arab Jahiliah. \*

1 point

- Sistem kabilah
- Semangat assabiah

Apakah kesan amalan tersebut?

- Pengaruh kerajaan kuat
- Perdagangan luar terhad
- Peluasan wilayah berlaku
- Perpaduan ummah lemah

9. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan keadaan di Madinah sebelum Nabi Muhammad SAW berhijrah ke kota tersebut? \*

1 point

- I Diperintah oleh monarki
- II Suku Arab sering bertelagah
- III Ekonomi dikuasai oleh Yahudi
- IV Sistem kabilah semakin terabai

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

10. Rombongan Nabi Muhammad SAW ke Makkah telah disekat di Hudaibiyah. Mengapakah Nabi Muhammad SAW bertindak menghantar Uthman bin Affan? \*

1 point

- Mencari laluan yang selamat
- Meninjau kekuatan pihak Quraisy
- Memujuk mereka menerima Islam
- Mengutamakan kaedah diplomasi

11. Golongan Mawali adalah orang Islam yang bbnukan berketurunan Arab.Mengapakah golongan tersebut menentang kerajaan Bani Umayyah? \*

1 point

- A Kemudahan perniagaan terhad
- B Dikenakan kadar cukai yang tinggi
- C Hasutan daripada masyarakat Yahudi
- D Dipaksa menganggotai pasukan tentera

12. Maklumat berikut berkaitan dengan pembinaan sistem pengairan pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin Al-Khattab. \*

1 point

- Empangan Abu Musa di Basrah
- Terusan Amirul Mukminin di Mesir

Mengapakah sistem pengairan tersebut dibina?

- A Membekalkan air bersih
- B Mengelak banjir berlaku
- C Mempertingkat hasil pertanian
- D Meningkatkan kegiatan perdagangan



13. Apakah sumbangan ulama berikut kepada kerajaan Aceh? \*

1 point

- Hamzah Fansuri
- Nuruddin al-Raniri

- Menjadi utusan kerajaan
- Memperluas tanah jajahan
- Mengetuai pentadbiran wilayah
- Menghasilkan kitab-kitab agama

14. Pendidikan formal berubah di Asia Tenggara selepas kedatangan Islam. Apakah perubahan tersebut? \*

1 point

- Berpusat di istana
- Terhad di peringkat rendah
- Dibiayai oleh golongan bangsawan
- Melibatkan semua lapisan masyarakat

15. Apakah kepentingan konsep Daulat dalam sistem politik Melayu tradisoonal? \*

1 point

- I Memperkukuhkan kedudukan raja
- II Memperluas peranan pembesar
- III Menyekat pengaruh kuasa asing
- IV Mengikat raja dengan rakyat

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

16. Mengapakah kerajaan Kesultanan Melayu Melaka mewujudkan jawatan syahbandar? \*

1 point

- Melaksanakan protokol istana
- Melicinkan urusan perdagangan
- Mengetuai rombongan diplomatik
- Mengawal keamanan dalam negeri

17. Gerakan Reformation berlaku di Eropah Barat pada abad ke-16.

1 point

Mengapakah gerakan tersebut berlaku? \*

- Penyelewengan pemimpin gereja
- Taraf hidup masyarakat merosot
- Persaingan memperluas jajahan
- Kemunculan pelbagai mazhab

18 Mengapakah orang Eropah aktif menjelajah ke Timur pada abad ke-16? \* 1 point

- Desakan ekonomi
- Kemiskinan hidup
- Hubungan diplomatik
- Pencarian ilmu

19 Mengapakah undang-undang berikut diperkenalkan di Sarawak? \*

1 point

- Land Order 1931
- Land Settlement Order 1933

- Mengurangkan kemasukan imigran
- Mengehadkan pelaburan modal asing
- Melindungi hak milik kaum peribumi
- Memperkukuh kuasa pemimpin tempatan

20 Berikut adalah ciri ekonomi tradisional masyarakat Melayu. \*

1 point

- Modal kecil
- Peralatan mudah
- Jumlah buruh terhad

Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- I** Kekurangan tanah untuk pertanian
- II** Sekatan daripada golongan pembesar
- III** Diabaikan oleh pihak penjajah British
- IV** Kurang pendedahan terhadap dunia moden

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

21. Pasangan manakahn yang betul tentang perbezaan matlamat gerakan nasionalisme di Thailand dengan matlamat gerakan nasionalisme di negara-negara lain di Asia Tenggara? \* 1 point

Pilihan Jawapan	Thailand	Negara-negara lain di Asia Tenggara
A	Menentang raja berkuasa mutlak	Mengusir penjajah dari tanah air
B	Menyekat kemasukan kaum pendatang	Menuntut kaum pendatang dihantar pulang ke negara asal
C	Mempertahan hak rakyat tempatan dalam jawatan kerajaan	Memperjuang konsep perkongsian kuasa
D	Menuntut petempatan khas untuk rakyat tempatan	Menggesa rakyat asal diberikan petempatan sama dengan bangsa penjajah

- A
- B
- C
- D

22. Parti politik berikut ditubuhkan di Indonesia sebelum Perang Dunia Kedua \*

1 point

- Sarekat Islam
- Parti Komunis Indonesia
- Parti Nasional Indonesia

Apakah matlamat perjuangan parti tersebut?

- Kemerdekaan tanah air
- Kebebasan dalam politik
- Kemajuan pendidikan wanita
- Kesamarataan bidang ekonomi

23. Akhbar berikut diterbitkan di Asia Tenggara pada abad ke-19. \*

1 point

- *Tribune indigene*
- *Cloche Felee*
- Warta Malaya

Mengapakah pihak penjajah menyekat kebebasan akhbar tersebut?

- Membendung fahaman komunis
- Mengelakkan kebangkitan rakyat
- Mengurangkan campur tangan asing
- Melemahkan pengaruh kelas bangsawan

24 Haji Abdul Rahman Limbong menentang British di Terengganu.

1 point

Mengapakah beliau melakukan penentangan tersebut? \*

- Pencerobohan kawasan petempatan
- Penghambaan sistem perhambaan
- Pengenalan peraturan baharu
- Perubahan sempadan negeri

25 Akhbar berikut memberikan saranan untuk kemajuan ekonomi orang

1 point

Melayu pada awal abad ke-20 di Tanah Melayu. \*

- Warta Negara - Majlis


Apakah saranan tersebut?

- I** Menjalankan aktiviti perniagaan
- II** Menubuhkan syarikat kerjasama
- III** Mengasaskan institusi kewangan
- IV** Melaksanakan penyatuan tanah

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

26 Peta 1 menunjukkan gerakan yang berlaku di Timur Tengah pada awal abad ke-20. Apakah kesan gerakan tersebut terhadap Tanah Melayu? \*

1 point



- Pemulihan kuasa raja-raja
- Kedatangan imigran bertambah
- Kesedaran kebangsaan meningkat
- Penubuhan parti berasaskan kaum



27 Pasangan yang manakah menunjukkan perbezaan cara pembinaan negara Islam Madinah dengan negara bangsa Jerman? \*

1 point

Pilihan Jawapan	Negara Islam Madinah	Negara Bangsa Jerman
I	Dimulakan dengan penggubalan perlembagaan	Mengutamakan persamaan rumpun bangsa
II	Mengamalkan prinsip permuafakatan	Menggunakan pelbagai taktik termasuk penipuan
III	Menyerang wilayah yang enggan bersatu	Memaksa negeri-negeri kecil bergabung
IV	Mengutamakan penduduk asal wilayah terlibat	Mengutamakan penduduk daripada pelbagai etnik

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

28 Negara berikut muncul selepas keruntuhan empayar Austria-Hungary dan Turki Uthmaniyah akibat Perang Dunia Pertama. \*

1 point

- Czechoslovakia
- Lithuania
- Finland

Apakah yang berkaitan dengan negara tersebut?

- Menyokong ideologi komunis
- Mengasaskan fahaman fasis
- Dikuasai golongan monarki
- Dibina berasaskan etnik

29. Perkara berikut merupakan satu daripada ciri Malayan Union yang dilaksanakan oleh British pada tahun 1946 \*

1 point

Kerakyatan *jus soli*

Mengapakah orang Melayu menentang ciri tersebut?

- Fahaman komunis mudah bertapak
- Kuasa golongan pembesar meluas
- Taraf negeri naungan dikekalkan
- Persaingan dengan orang asing

30. Maklumat berikut berkaitan dengan persatuan di Sabah sebelum penjajahan British \*

1 point

- Persatuan Kebangsaan Melayu Labuan
- Persatuan Melayu Jesselton

Apakah ciri persatuan tersebut?

- Bersifat sederhana
- Bermatlamat politik
- Mementingkan ekonomi
- Memperjuangkan agama

31. Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) telah ditubuhkan oleh Dato' Onn bin Jaafar untuk merealisasikan perpaduan rakyat. Bagaimanakah parti tersebut dapat membentuk perpaduan rakyat? \*

1 point

- Menggabungkan pelbagai pertubuhan politik
- Memberikan hak yang sama kepada imigran
- Membuka keahlian kepada semua kaum
- Mengurangkan kemasukan buruh asing

32. Pernyataan berikut terkandung dalam Piagam Atlantik. \*

1 point

... menghormati hak setiap manusia untuk memilih bentuk kerajaan mereka sendiri dan mahukan hak kedaulatan dan kerajaan sendiri dikembalikan kepada mereka...

Sumber: [www.britanica.com](http://www.britanica.com)

Bagaimanakah British bertindak untuk mematuhi piagam tersebut di tanah air kita?

- Melaksanakan sistem pengagihan kuasa
- Melonggarkan syarat memohon kerakyatan
- Mengurangkan bidang kuasa Majlis Raja-Raja
- Mengisytiharkan Persekutuan Tanah Melayu 1948

33. Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Indonesia pada tahun 1960-an. \*

1 point

Tarikh	Peristiwa
September 1965	Jeneral Suharto menggulingkan Presiden Sukarno

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- Perubahan sempadan negara
- Sistem republik diamalkan
- Pengaruh komunis meluas
- Dasar konfrontasi tamat

34. Maklumat berikut menunjukkan proses demokrasi yang diamalkan di Singapura. \*

1 point

**Singapura April 1961** – Keputusan rasmi pilihanraya Hong Lim menunjukkan parti Barisan Sosialis mencapai kemenangan. Keputusan pilihan raya menyebabkan kerajaan Singapura dilanda kebimbangan.

Mengapakah keputusan pilihan raya tersebut membimbangkan kerajaan Singapura, walaupun proses demokrasi telah dilaksanakan?

- Merangsang pembentukan pelbagai parti
- Pengaruh komunis akan berkembang
- Parlimen terpaksa dibubarkan
- Kuasa British semakin kukuh

35. Maklumat berikut berkaitan dengan Parlimen Malaysia. \*

1 point

- Dewan Negara
- Dewan Rakyat

Apakah persamaan keahlian kedua-dua dewan tersebut?

- Berkuasa mengisytiharkan darurat
- Dilantik oleh Ketua Hakim Negara
- Boleh dilantik sebagai anggota Jemaah Menteri
- Kebal daripada sebarang tindakan undang-undang

36. Sejak merdeka, Malaysia telah mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan sistem tersebut?

1 point

\*

- Yang Di-Pertuan Agong menggubal perlembagaan
- Monarki berkuasa mutlak mengetuai pentadbiran
- Badan Kehakiman merangka undang-undang
- Rakyat terlibat dalam pemerintahan negara

37. Pada tahun 1956, nama Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) telah ditukar kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA). Apakah tujuan penubuhan MARA? \*

1 point

- Membangunkan bandar baharu
- Mengenal pasti masalah penduduk
- Menjalankan penyelidikan pertanian
- Meningkatkan taraf hidup bumiputera

38. Pernyataan berikut adalah matlamat Jawatankuasa Kabinet 1974. \*

1 point

Mengkaji keberkesanan sistem pendidikan kebangsaan bagi melahirkan sumber tenaga manusia

Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai?

- Memperkenalkan bahasa asing
- Melaksanakan sistem semester
- Memperkasa sekolah vokasional
- Mengawal perkembangan sekolah swasta

39. Dasar luar negara tahap ketiga bermula pada tahun 1981 hingga tahun 2003. \*

1 point

Bagaimanakah dasar luar tersebut dilaksanakan?

- I** Meningkatkan hubungan perdagangan dengan negara lain
- II** Menjadikan Korea dan Jepun sebagai model pembangunan
- III** Mengehadkan kerjasama ekonomi dengan negara komunis
- IV** Mengurangkan eksport bahan mentah ke pasaran Barat

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

40. Mengapakah Perang Dunia Pertama tercetus pada tahun 1914 di Eropah? \*

1 point

- Serangan Jerman terhadap Poland
- Pembunuhan bakal raja Austria
- Perluasan ideologi komunis
- Pembentukan Puasa Paksi

Submit

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)

Google Forms